



KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN AWAM
DIRECTOR-GENERAL OF PUBLIC SERVICE
Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia
Public Service Department, Malaysia
Aras 13, Blok C1, Kompleks C
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62510 W.P. PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel: 603-80008000
Faks (Fax): 603-88892187
Laman Web (Web): www.jpa.gov.my

Rujukan : JPA.100-1/4/1 (62)
Tarikh : 31 Oktober 2025

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua YB Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Berkanun Persekutuan
Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Berkanun Negeri
Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Tempatan

YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Seri/Dato'Sri/Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

PENGECUALIAN PEMAKAIAN TALI LEHER SEMASA BEKERJA KEPADA PEGAWAI PERKHIDMATAN AWAM

Dengan segala hormatnya saya ingin menarik perhatian YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Dato'Sri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan kepada perkara tersebut di atas.

2. Sebagaimana kita sedia maklum, dalam era pentadbiran Kerajaan Madani sejak November 2022, anggota pentadbiran tidak lagi melaksanakan pemakaian tali leher semasa waktu bekerja dan ketika menghadiri mesyuarat termasuk ketika berada di Parlimen. Sehubungan itu, dalam mengambil kira realiti iklim tempatan dan keperluan langkah kecekapan dan penjimatan tenaga mengikut Surat Pekeliling Am Bilangan 2 Tahun 2014, Kerajaan bersetuju agar semua pegawai awam **tidak lagi diwajibkan** memakai tali leher semasa bekerja dan ketika menghadiri mesyuarat.

3. Walau bagaimanapun, pemakaian tali leher **hendaklah dipakai bagi majlis atau program** berikut:

(a) sambutan Ketua Delegasi Asing ke negara ini; dan

- (b) persidangan/ kolokium/ mesyuarat peringkat antarabangsa/ mesyuarat yang melibatkan pemimpin/ pembesar/ delegasi asing.

Selain perkara di perenggan 3(a) dan (b), Kementerian/Jabatan boleh menetapkan keperluan pemakaian tali leher bagi majlis atau program yang bersesuaian dengan syarat tatacara pemakaian tersebut dinyatakan dengan jelas dalam surat atau emel jemputan bagi mengelakkan sebarang kekeliruan.

4. Selaras dengan ketetapan surat edaran ini, kewajipan pemakaian tali leher sebagaimana Perenggan A.5 Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia (MyPPSM) Ceraian UP.7.2.3 mengenai Etiket Pakaian dan Penampilan Pegawai Awam adalah dikecualikan daripada pelaksanaan.

5. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, surat edaran ini dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Awam Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.


6. Pihak YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Dato'Sri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan juga diharapkan dapat mengedarkan surat ini kepada semua pegawai dan perlu dibuat hebahan di semua portal rasmi di Kementerian/ Jabatan masing-masing.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(TAN SRI WAN AHMAD DAHLAN BIN HAJI ABDUL AZIZ)